

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD**  
**EDRIS@TUBAU [LIBARAN]**  
**TARIKH** : **11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status ekonomi dan kedudukan kewangan negara Malaysia akibat penularan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemelesetan ekonomi dan perdagangan dunia pada tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 merupakan krisis yang terburuk sejak era, dengan izin, *the Great Depression* pada tahun 1930an. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, ekonomi Malaysia turut terjejas dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar benar menguncup sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 disebabkan oleh langkah pembendungan yang ketat bagi mengawal pandemik COVID-19.

2. Sehubungan itu, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di samping melindungi nyawa dan kehidupan rakyat. Antara inisiatif utama untuk terus menyokong sektor yang terkesan dan merencanakan semula aktiviti ekonomi adalah melalui :

- Pertamanya, pelaksanaan strategi 6R yang sistematik dan menyeluruh bagi menangani krisis, iaitu dengan izin, *Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalise* dan *Reform.*;
- Keduanya, pelaksanaan sejumlah lapan pakej bantuan rangsangan ekonomi dan bantuan yang komprehensif bernilai 530 bilion ringgit sejak bulan Mac tahun 2020 (2020: RM305 bilion; 2021: RM225 bilion);
- Ketiga, inisiatif-inisiatif dalam Belanjawan 2021 dengan peruntukan berjumlah 322.5 bilion ringgit yang sedang berlangsung; dan
- Terakhirnya, pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (atau PPN) yang merupakan strategi peralihan keluar secara berfasa dan selamat daripada kemelut penularan COVID-19 susulan peningkatan kes mendadak yang mengancam sistem kesihatan awam.

3. Berikutan pelaksanaan pelbagai pakej, pelan dan langkah berkenaan, trend pemulihan ekonomi telah dapat dilihat di mana ekonomi negara telah berkembang sebanyak 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding penguncupan sebanyak 8.4 peratus pada tempoh

yang sama tahun 2020. Namun, pelaksanaan semula langkah pembendungan pandemik yang lebih ketat mulai Mei 2021 susulan ancaman varian baharu COVID-19 telah menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun 2021. Justeru, unjuran pertumbuhan ekonomi tahun 2021 telah disemak semula pada bulan Ogos 2021 kepada antara 3 hingga 4 peratus, iaitu lebih rendah berbanding anggaran awal pada bulan Mac 2021 antara 6 hingga 7.5 peratus.

4. Semakan semula rasmi tersebut juga adalah berdasarkan andaian pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat 2021 berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan program imunisasi COVID-19 yang memberangsangkan. Jangkaan pencapaian imuniti kelompok pada suku keempat 2021 berdasarkan kemajuan kadar vaksinasi terkini serta pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat sepanjang fasa PPN akan turut mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan pengguna.

5. Kini, sebahagian besar kes positif COVID-19 tidak bergejala atau bergejala ringan dan kadar kemasukan hospital bagi kes COVID-19 juga telah menurun. Pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan, bantuan ekonomi, plan pemulihan dan langkah Bajet 2021 yang berterusan serta disokong oleh pemulihan ekonomi dan perdagangan global dijangka membantu mengekalkan momentum pertumbuhan KDNK sehingga tahun 2022.

6. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memantau perkembangan ekonomi global dan domestik terkini dengan teliti bagi mengenal pasti sebarang risiko yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan KDNK negara pada tahun 2021. Sekiranya terdapat keperluan untuk menyemak semula unjuran antara 3 hingga 4 peratus tersebut, Kerajaan akan mengumumkan unjuran terkini semasa pembentangan Bajet 2022 pada bulan Oktober 2021 kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Dalam Belanjawan 2021, defisit fiskal tahun 2021 telah diunjurkan sebanyak 5.4 peratus berbanding KDNK berdasarkan jangkaan ekonomi

akan berkembang antara 6.5 hingga 7.5 peratus. Walau bagaimanapun, bagi membendung gelombang ketiga penularan COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (atau PKP). Pelaksanaan PKP bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan rakyat, malah dijangka turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan kutipan hasil Kerajaan. Berdasarkan semakan semula kadar pertumbuhan ekonomi kepada antara 3 hingga 4 peratus pada bulan Ogos 2021, paras defisit fiskal 2021 dijangka akan meningkat kepada sekitar 6.5 hingga 7 peratus daripada KDNK.

8. Bagi mengurangkan impak pengurangan hasil dan keperluan perbelanjaan tambahan, Kerajaan akan melaksanakan langkah rasionalisasi perbelanjaan dan mengenal pasti sumber hasil tambahan dalam ekosistem Kerajaan. Pada masa ini, keutamaan Kerajaan adalah melindungi rakyat daripada ancaman COVID-19 selain memastikan prospek pertumbuhan ekonomi kekal kukuh dalam jangka sederhana dan panjang, disokong oleh PPN serta pengurusan kewangan yang berhemat.

Sekian, terima kasih.